PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2011

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global berterusan pada kadar sederhana sungguhpun keadaan pasaran kewangan antarabangsa tidak menentu akibat ketidakpastian yang lebih ketara

Pemulihan ekonomi global berterusan namun pada kadar sederhana pada suku pertama 2011 berikutan risiko terhadap pertumbuhan global yang semakin meningkat, termasuk ketegangan geopolitik dan juga bencana alam di Jepun. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi maju kekal sederhana, manakala pertumbuhan ekonomi di Jepun telah terjejas akibat gempa bumi yang melanda negara itu pada 11 Mac. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa pada suku pertama terjejas oleh ketegangan di wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) yang menyumbang kepada kenaikan harga minyak dunia yang ketara di samping kebimbangan mengenai masalah hutang kerajaan yang berterusan di kawasan euro, terutamanya di Portugal. Menjelang akhir suku pertama, kesan krisis di Jepun terhadap ketidaktentuan pasaran pertukaran asing menyebabkan terdapatnya campur tangan julung kali secara terselaras oleh G-7 sejak tahun 2000. Aktiviti ekonomi di negara sedang pesat membangun terus mantap, didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang lebih baik daripada jangkaan. Dengan tekanan inflasi menjadi fokus utama ekonomi sedang pesat membangun disebabkan kebimbangan terhadap kejutan penawaran, bank-bank pusat dalam ekonomi tersebut terus mengetatkan dasar monetari pada suku pertama untuk menguruskan jangkaan inflasi berikutan aliran masuk modal yang bertambah dengan ketara ke dalam ekonomi sedang pesat membangun tersebut.

Ekonomi **Amerika Syarikat** (AS) meningkat dengan sederhana sebanyak 1.8% pada suku pertama (S4 10: 3.1%) disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lemah dan import yang lebih tinggi. Sungguhpun pertumbuhan penggunaan peribadi terus disokong oleh kekayaan kewangan bersih yang lebih tinggi, serta peluang pekerjaan dan keadaan kredit yang bertambah baik, kadar pertumbuhan menjadi sederhana pada suku pertama disebabkan oleh keadaan cuaca buruk yang luar biasa dan harga gasolin yang lebih tinggi. Pelaburan tetap swasta meningkat sebanyak 0.7% (S4 10: 6.8%), ekoran kelembapan yang berterusan dalam aktiviti pembinaan yang telah mengimbangi perkembangan pesat perbelanjaan modal dalam pelaburan alat kelengkapan dan perisian. Pertumbuhan yang lembap juga berpunca daripada penguncupan perbelanjaan kerajaan selain kenaikan import seiring dengan harga minyak yang lebih tinggi. Inflasi meningkat dengan lebih cepat, iaitu 2.1% (S4 10: 1.3%) ekoran kenaikan harga tenaga dan makanan.

Dalam **kawasan euro**, KDNK benar berkembang pada kadar yang lebih kukuh, iaitu 0.8% pada asas suku tahunan (S4 10: 0.3%). Pada asas tahunan, ekonomi kawasan itu berkembang sebanyak 2.5% pada suku pertama (S4 10: 2%). Pertumbuhan disokong oleh permintaan eksport dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik dalam ekonomi maju yang utama, khususnya Jerman dan Perancis. Pemulihan dalam permintaan dalam negeri di Jerman disokong oleh keadaan pasaran tenaga kerja yang lebih baik di samping sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah baik, sementara eksport terus mengembang berikutan permintaan global yang semakin kukuh. Sebaliknya, aktiviti dalam ekonomi-ekonomi yang lebih kecil terus terjejas oleh permintaan dalam negeri yang lemah, yang telah terjejas oleh langkah berjimat cermat fiskal. Dari aspek inflasi, harga pengguna naik dengan lebih cepat pada 2.5% (S4 10: 2%), disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010			2011	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	3.7	3.1	2.9	1.8[a]	Pertumbuhan sederhana disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lemah dan import yang lebih tinggi.
UK	-0.4	1.5	1.3	1.8[p]	Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan yang bertambah baik, terutamanya dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan euro	0.8	2.0	1.7	2.5[p]	Pertumbuhan disokong oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang bertambah baik dalam ekonomi utama, terutamanya Jerman dan Perancis.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi **United Kingdom** (UK) mencatat pertumbuhan suku tahunan 0.5% pada suku pertama (S4 10: -0.5%). Pada asas tahunan, KDNK meningkat dengan lebih cepat, iaitu 1.8% (S4 10: 1.5%). Pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku pertama ini disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang bertambah baik, terutamanya perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Penggunaan swasta dan eksport meningkat semula pada bulan Januari selepas keadaan cuaca yang buruk menjejaskan aktiviti ekonomi dengan teruk pada bulan Disember 2010. Namun, penunjuk ekonomi yang bertambah baik bertukar menjadi sederhana selepas kesan sementara yang menyokongnya semakin luput. Keyakinan pengguna terus lemah akibat langkah berjimat cermat fiskal serta kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan harga pengguna yang lebih tinggi. Inflasi naik pada kadar lebih tinggi, iaitu 4.1% pada suku pertama (S4 10: 3.4%), didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan kenaikan cukai nilai ditambah pada bulan Januari.

Aktiviti ekonomi di **Jepun** pada suku pertama menjadi sederhana akibat bencana alam pada 11 Mac yang disusuli oleh krisis nuklear. Gangguan bekalan tenaga dan kerosakan kepada infrastruktur telah mengakibatkan ketidakpastian dalam aktiviti pengeluaran dalam kalangan pengilang dan juga kepada dunia. Ini memandangkan pentingnya Jepun dalam rantaian pengeluaran global bagi keluaran elektronik dan elektrik (E&E) dan automobil. Eksport yang sememangnya sederhana sejak sebelum meletusnya krisis menjadi bertambah buruk akibat krisis tersebut. Hasilnya eksport menjadi negatif pada bulan Mac (Feb: 9%) ekoran eksport automobil, produk separa konduktor dan elektronik yang lebih rendah. Pada suku pertama, eksport hanya meningkat sebanyak 2.7% (S4 10: 10%). Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah merosot lagi pada kadar 3.2% pada suku pertama (S4 10: -1.4%) apabila sentimen isi rumah terjejas oleh krisis nuklear. Tekanan deflasi terus ketara dengan kemerosotan harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar), walaupun pada kadar lebih perlahan 0.2% (S4 10: -0.5%).

Di Amerika Syarikat, ***Federal Reserve*** *(Fed)* mengekalkan kadar federal funds antara 0 - 0.25% dan meneruskan pembelian sekuriti Perbendaharaan jangka panjang bernilai USD600 bilion yang disasarkan untuk disempurnakan pada akhir suku kedua 2011. Pada suku pertama, **European Central Bank** (ECB) telah menunjukkan tanda-tanda bahawa ia akan menaikkan kadar faedah sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi yang kian meningkat. Berikutan itu, ECB menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 1.25% pada 7 April. Langkah sebaliknya diambil oleh **Bank of England** (BoE) dalam mengimbangi antara inflasi yang lebih tinggi dengan pemulihan ekonomi yang agak lemah. Lantaran itu BoE mengambil keputusan untuk tidak mengubah kadar dasarnya pada 0.5% dan mengekalkan saiz program pembelian aset pada £200 bilion.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010			2011	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	11.9	9.8	10.3	9.7	Disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, berbanding dengan sumbangan negatif daripada permintaan luar negeri.
Singapura	16.4	12.0	14.5	8.5[a]	Pertumbuhan diterajui oleh peningkatan dalam sektor perkilangan.
Hong Kong SAR	8.0	6.4	7.0	7.2	Dipacu terutamanya oleh eksport yang bertambah baik dan penggunaan swasta yang terus kukuh.
Indonesia	5.6	6.9	6.1	6.5	Pertumbuhan disokong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta, pelaburan dan eksport.
China Taipei	13.6	6.9	10.8	6.2[a]	Disebabkan terutamanya oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan prestasi eksport yang terus kukuh.
Korea	8.5	4.7	6.2	4.2[a]	Disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih tinggi dan penggunaan swasta yang berterusan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Bank of Japan (BoJ) mengekalkan kadar dasar semalamannya antara 0 – 0.1% pada suku pertama. Walau bagaimanapun, sebagai reaksinya kepada bencana alam tersebut, bank pusat tersebut mengumumkan suntikan mudah tunai sebanyak ¥55.6 trilion ke dalam sistem perbankan sebagai langkah jangka pendek untuk menjamin kestabilan pasaran kewangan. Selain itu, BoJ juga menggandakan saiz program pembelian asetnya untuk membeli bon kerajaan dan bon korporat sehingga ¥10 trilion. Pada bulan April, BoJ memperkenalkan program pemberian pinjaman satu tahun sebanyak ¥1 trilion pada kadar 0.1% untuk membantu syarikat di wilayah yang terjejas. Bank pusat itu turut mengumumkan akan membesarkan kumpulan cagaran yang layak untuk operasi pasaran kewangan agar dapat memastikan terdapatnya keupayaan pembiayaan yang mencukupi untuk institusi kewangan di wilayah yang terjejas.

Aktiviti ekonomi di rantau **Asia** kekal kukuh pada suku pertama. Walaupun pertumbuhan menjadi sederhana berbanding dengan suku sebelumnya, prestasi pada keseluruhannya adalah lebih baik daripada yang dijangkakan kerana pertumbuhan terus mendapat sokongan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan selain diperkuat oleh permintaan luar negeri yang semakin baik. Prestasi eksport yang bertambah baik khususnya disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat daripada ekonomi serantau dan juga AS, terutamanya permintaan terhadap keluaran elektrik dan elektronik. Impak daripada gangguan pengeluaran di Jepun terhadap eksport serantau setakat ini adalah bercampur-campur. Sementara China Taipei dan Singapura mencatat eksport yang lebih perlahan ke Jepun pada bulan Mac disebabkan oleh penghantaran alat dan komponen E&E yang lebih rendah, Korea pula mendapat manfaat daripada permintaan Jepun yang meningkat terhadap minyak dan keluaran keluli serta barangan yang diperlukan selepas berlakunya bencana alam seperti makanan dan minuman yang dibotolkan. Keadaan permintaan dalam negeri bagi ekonomi serantau terus menggalakkan seperti yang ditunjukkan oleh pengembangan berterusan dalam pemberian pinjaman bank dan jualan runcit. Pertumbuhan di **Singapura** berkembang sebanyak 8.5% (S4 10: 12%) dipacu oleh pengembangan dalam sektor perkilangan, terutamanya kelompok elektronik dan kejuruteraan persis (precision engineering). **RR China** mencatat pertumbuhan sebanyak 9.7% (S4 10: 9.8%), didorong oleh pengembangan berterusan sektor perkilangannya. Di **Korea** pula, ekonominya berkembang sebanyak 4.2% (S4 10: 4.7%), disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan swasta yang mampan. Ekonomi **China Taipei** berkembang sebanyak 6.2% (S4 10: 6.9%), terutamanya hasil daripada aktiviti penggunaan swasta yang lebih giat susulan prestasi eksport yang terus kukuh. Ekonomi **Indonesia** berkembang pada kadar 6.5% pada suku pertama (S4 10: 6.9%) dengan pertumbuhan yang menyeluruh dipacu oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport.

Di **Hong Kong SAR**, ekonominya mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada 7.2% (S4 10: 6.4%), didorong terutamanya oleh eksport yang bertambah baik dan penggunaan swasta yang terus kukuh.

Inflasi terus meningkat dengan pantas disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Keadaan ini telah mengerakkan tindak balas dasar bank-bank pusat serantau pada suku pertama dengan imbangan risiko kini beranjak ke arah membendung inflasi. Bentuk tindak balas tersebut termasuk menaikkan kadar dasar seperti dilaksanakan di RR China, India, Indonesia, Korea, Filipina, China Taipei, Thailand dan Vietnam. Begitu juga, dalam usaha untuk memastikan harga terus stabil dalam jangka sederhana, pihak **Monetary Authority of Singapore** mengubah semula jalur (band) dasar kadar pertukaran ke arah menaik pada bulan April. Bagi ekonomi yang menerima aliran modal yang amat tidak menentu, langkah kehematan makro dilaksanakan untuk melengkapi dasar monetari dalam menghadapi kelemahan dan kebimbangan kewangan. **Bank Indonesia** menaikkan keperluan rizab pegangan pertukaran asingnya, manakala **People's Bank of China** pula meningkatkan keperluan rizab terhadap bank berkanun. **Central Bank of the Republic of China (China Taipei)** mengehadkan pegangan *non-deliverable forwards* (NDF) bank dan opsyen dalam mata wang tempatan. Selain itu, sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi yang kian meningkat, beberapa pihak berkuasa di rantau ini melaksanakan pelbagai langkah pentadbiran untuk menangani inflasi (Korea, Thailand dan Indonesia).

Harga **minyak mentah**[1] terus naik pada suku pertama, dengan harga purata pada USD94 setong (S4 10: USD85 setong). Kebimbangan yang meningkat terhadap gangguan bekalan ekoran ketegangan politik di beberapa negara di wilayah MENA telah memberikan tekanan menaik terhadap harga minyak mentah.

Trend menaik yang berterusan pada suku pertama ini turut didorong oleh jangkaan bahawa permintaan akan meningkat berikutan pemulihan ekonomi global. Menjelang akhir suku pertama, harga minyak mentah kekal melebihi paras USD100 setong lantas mencatat kenaikan sebanyak 16.8% daripada paras harga awal tahun. Pada 29 April, harga minyak mentah naik kepada USD113.93 setong, paras tertinggi sejak bulan September 2008.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, euro dan paun sterling menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku pertama, ekoran prospek ekonomi yang lebih baik dalam ekonomi utama di kawasan euro. Kenaikan tersebut juga disebabkan oleh ramalan pasaran terhadap kenaikan kadar yang lebih awal daripada jangkaan oleh ECB dan BoE. Yen juga terus teguh berbanding dengan dolar AS untuk mencapai paras tertingginya ¥76.25 pada 17 Mac. Kenaikan ini mencerminkan spekulasi pasaran tentang penghantaran balik dana ke Jepun ekoran gempa bumi baru-baru ini berdasarkan pengalaman lalu semasa berlakunya gempa bumi Kobe pada tahun 1995. Ini telah mendorong campur tangan pertukaran asing secara terselaras oleh ekonomi G7 pada 18 Mac. Hasilnya, yen menurun kepada ¥81.16. Kebanyakan mata wang serantau juga menjadi kukuh berbanding dengan dolar AS pada suku pertama berikutan aliran modal yang berterusan ke dalam rantau tersebut, yang dirangsang oleh prospek pertumbuhan yang secara relatif menggalakkan. Namun, kadar penambahan nilai mata wang dihadkan oleh peningkatan aktiviti penghindaran risiko ekoran meningkatnya ketidakpastian berhubung dengan kenaikan harga komoditi global dan kesan bencana di Jepun yang mungkin menjejaskan rantaian penawaran global. Pada 29 April, yuan China diniagakan pada kadar tertinggi dalam tempoh 17 tahun, pada 6.4905 bagi setiap dolar AS, manakala dolar Singapura mencapai paras tertingginya yang baharu, iaitu SGD1.2232 bagi setiap dolar AS pada 2 Mei.

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

Melangkah ke hadapan, sungguhpun unjuran pertumbuhan asas terus utuh, risiko yang boleh menjejaskan kemampanan pertumbuhan global, nyata lebih tinggi memandangkan terdapat ketidakpastian yang ketara berikutan harga minyak dunia yang lebih tinggi, serta kesan bencana di Jepun terhadap rangkaian pengeluaran global dan kebimbangan yang berpanjangan berhubung dengan masalah fiskal dalam ekonomi maju. Pemulihan global yang mula kelihatan mungkin akan terjejas sekiranya harga minyak kekal tinggi untuk jangka masa yang panjang. Selain itu, kesan sepenuhnya daripada krisis di Jepun terhadap rantaian penawaran global serta ekonomi global masih tidak jelas memandangkan negara itu merupakan pengeluar global bagi banyak alat kelengkapan dan komponen penting industri E&E dan automobil. Isu fiskal yang masih dihadapi di kawasan euro dan AS mungkin menimbulkan keadaan ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan global memandangkan para pelabur bimbang mengenai kemampanan rangka kerja fiskal dalam ekonomi-ekonomi tersebut. Perkara ini, bersama-sama dengan tahap ketidakpastian yang tinggi, akan menambah lagi pelbagai cabaran yang rumit kepada persekitaran untuk merumuskan dasar monetari apabila pihak berkuasa kewangan menetapkan matlamat untuk mencapai keseimbangan antara mengekalkan inflasi pada tahap rendah dan stabil sambil menggalakkan pertumbuhan dan mengekalkan kestabilan kewangan.